

Qalam

Majalah bulanan terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 20 – Jamadilakhir – Mac 1952 – 60 sen

TAKZIAH DAN TAHNIAH

Kita adalah mengucapkan duka cita atas kemangkatan yang Maha Mulia Baginda King George yang keenam iaitu suatu kehilangan yang sangat besar ertinya kepada seluruh empayar. Kehilangannya adalah menjadi suatu kenangan-kenangan yang tidak akan dapat dilupai oleh kerana ramah tamahnya kepada rakyat dengan tidak membeza-bezakan di antara satu dengan lain. Tetapi sungguhpun kehilangan itu menyedihkan dengan kerana yang demikian itu tidak dapat digalang oleh suatu yang lain maka di sebalik itu kita mengucapkan pula tahniah, sekalipun di dalam keadaan yang sebegitu muram, iaitu kepada yang Maha Mulia Queen Elizabeth yang kedua yang menggantikan tempat paduka ayahandanya yang telah mangkat itu kita berharap dipanjangkan usia, aman dan damai di bawah pemerintahan Queen Elizabeth.

* * *

CERMATILAH!

Sungguhpun perkara timbulnya Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu telah beresi dan telah berlantik tetapi perkara itu tidaklah sunyi daripada kita membawa perhatian tentang telatah dan perjuangan UMNO di dalam perkara itu yang dibawa oleh Tengku Abdul Rahman di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu tatkala membahas tentang lantikan Timbalan Pesuruhjaya itu adalah nampaknya menjadi suatu pertanyaan di mana dasar perjuangan UMNO untuk bangsa Melayu.

Perkara yang tersebut di atas ini adalah menjadikan harus orang-orang kita tertanya-tanya adakah UMNO itu mempunyai “dasar” perjuangannya yang tetap sebagai program yang tertentu untuk mendirikan hak dan kehendak orang-orang Melayu? Pertanyaan ini terbit tidak lain oleh kerana segala gerak langkah yang berjalan nampaknya tidak ada ketetapan dasar program yang dijalankan untuk menyampaikan segala cita-cita UMNO yang mengenai faedah dan kehendak orang-orang Melayu. Kita mengetahui bahawa kemerdekaan yang dikehendaki oleh orang-orang Melayu itu, menurut pendapat kita, ialah kemerdekaan yang mutlak yang terletak di bawah kuasa orang-orang Melayu, dengan sifatnya sebagai tuan punya negeri ini dengan memberi kelulusan-kelulusan yang tertentu kepada anak-anak dagang – bukannya memberi kuasa penuh kepada anak-anak dagang yang bakal merosakkan kedudukan dan maslahat orang-orang Melayu.

Hal yang demikian ini tebit suatu pertanyaan kepada dasar yang dibawa oleh Tengku Abdul Rahman di dalam Majlis Mesyuarat Federal itu di dalam mana di dalam syor yang pertama ia dikatakan telah mencadangkan supaya yang memegang jawatan Timbalan Pesuruhjaya itu hendaklah daripada orang-orang Melayu iaitu suatu kehendak yang tidak dapat dinafikan mengikut kemahuan orang-orang Melayu tetapi kemudiannya ia telah bersetuju supaya cadangannya itu dipinda dengan menuntut supaya jawatan Timbalan Pesuruhjaya itu dipegang oleh orang-orang Asia – mengapa?! Di sinilah letaknya yang menjadi pertanyaan adakah UMNO itu mempunyai suatu program perjuangan yang tertentu atau tidak?

Menurut pendapat kita sekiranya perjuangan UMNO meliputi kepada kehendak orang Melayu maka apabila Tengku itu telah membawa suatu kehendak supaya jawatan itu diisi oleh seorang Melayu maka tidaklah sayogianya ia akan mengubah atau meminda cadangannya itu kepada yang lain sekalipun cadangannya itu gugur atau tak dapat sokongan kerana yang demikian menunjukkan bahawa orang-orang Melayu itu ada mempunyai suatu dasar perjuangan yang tertentu menghendaki barang yang ia ada mempunyai hak di dalamnya kerana sekiranya diikuti pindaan dengan orang-orang Asia maka yang demikian telah bermakna bahawa yang demikian sebagai suatu huluran yang

sememangnya dicari oleh anak-anak dagang yang sekiranya jawatan itu dipegang oleh mereka (anak-anak dagang) maka luluslah segala-galanya kepada mereka itu dan sampailah segala cita-cita yang dikehendaki oleh pihak yang menyukainya yang kelak akan menjadikan yang demikian itu suatu peluang yang terbuka yang dikatakan oleh mereka telah dipersetujui oleh orang Melayu; dan tidakkah yang demikian ini menjadikan IMP itu telah tidak disetujui oleh ramai orang-orang Melayu?

Dengan hal yang tersebut di atas ini maka dengan tulusnya kita berharap supaya pihak Jawatankuasa Agung UMNO yang menjalankan bahtera UMNO yang nampaknya telah mengakui bahawa mereka mewakili orang Melayu itu hendaklah merancang suatu program perjuangan yang akan dijalankan oleh ahli-ahlinya dengan tidak diubah-ubah atau dikisar-kisar dengan kesukaan sebarang ahli-ahli jawatankuasanya dan apabila didapati salah seorang daripada orang-orangnya sendiri, terutamanya dalam majlis-majlis mesyuarat, melencong daripada program perjuangan itu hendaklah orang itu diperingati

atau dipecat kerana yang demikian itu akan membawa kerosakan bukannya sahaja kepada UMNO tetapi akan mengayat juga kepada orang-orang Melayu yang banyak berdiri di luar pagar adanya.

QALAM DAN PEDANG

Menakluk orang dengan qalam itu lebih baik daripada menakluk dengan pedang kerana penaklukan dengan qalam atau penit adalah memberi insaf dan membawa kesedaran sedang penaklukan dengan pedang atau dengan lebih terang dengan kekerasan dan kezaliman itu adalah membawa kecelakaan dan kebinasaan.

* * *

Seseorang itu akan bertambah cantik apabila ia pandai berhias menyesuaikan pakaian, bercelak, berbedak, menyikat dan menyanggul rambutnya. Tetapi jika engkau disuruh pilih maka pilihlah orang yang pandai berhias dengan mengabdikan diri kepada agama, sopan santun sehingga menjadi seorang yang salih.

Sudah terbit!

Pesan Segera!!

“MUHAMMAD”

Salla Allah 'Alaihi Wa Sallam

Disusun oleh:

ABDULLAH BASMEH

Tiap-tiap seorang yang kasihkan agama mustahak menyimpan buku ini.

Mengandungi empat penggal - sepenggal \$1.20 - pos 10 sen.

Beli 4 penggal sekali tiada kena belanja pos. Sekodi potong 20 peratus.

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM
356, GEYLANG ROAD, SINGAPORE 14.